

Pembangkok semai budaya kekerasan — Mahathir

UM 25 NOV 1999

18

KUCHING 24 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat menolak pakatan pembangkang kerana mereka telah menyemai satu budaya kekerasan dengan menggalakkan rakyat berdemonstrasi dan merusuh yang mengancam kestabilan politik di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, parti pembangkang bukan sahaja tidak mempunyai rekod memerintah, malah rekod mereka juga buruk kerana mencetuskan demonstrasi dan rusuhan jalanan di ibu negara baru ini.

Katanya, mereka membakar kereta, tong-tong sampah, memecahkan din-

ding rumah dan memukul pegawai-pegawai polis yang hanya menjalankan tugas untuk menjaga ketenteraman awam.

“Mereka (parti pembangkang) cuba menggunakan demokrasi untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat.

“Tetapi kita tahu mereka bukan saja mendukung undang-undang atau peraturan negara sebaliknya mencabul undang-undang negara dengan mengadakan demonstrasi, rusuhan dan memukul anggota polis yang bertugas mengawal keamanan negara,” ujarnya.

Berucap merasmikan pelabuhan air dalam terminal

Senari berharga RM250 juta di Kampung Senari, Sejingkat, kira-kira 25 kilometer dari sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, “inilah parti (pembangkang) yang sedang bertanding menentang BN pada pilihan raya ini.”

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat menilai dengan bijaksana dan tidak melakukan kesilapan besar dengan memilih parti yang telah mengajar rakyat untuk berdemonstrasi dan merusuh bagi mencapai inspirasi mereka.

Beliau menegaskan, oleh kerana parti pembangkang mempunyai rekod yang buruk dan tidak bertanggung-

jawab, maka mereka tidak layak dipilih untuk mewakili rakyat memerintah negara ini.

Oleh itu Pengerusi BN itu menyeru semua lapisan rakyat memberi sokongan padu kepada BN untuk mendapatkan kemenangan dua pertiga dalam pilihan raya umum 29 November ini.

“Jika kita (rakyat) tidak pilih BN, maka kita akan mendapat kerajaan yang tidak mempunyai idea, tidak tahu bagaimana untuk membangunkan negara dan tidak tahu menguruskan pentadbiran negara,” tegasnya.